

Manifesto Parti Islam Se-Malaysia (PAS) PRU ke-12

'Kerajaan Beramanah, Adil dan Bersih' Negara Berkeadilan

Para Pengundi yang dihormati,

Menuntut Demokrasi Sebenar

Demokrasi bukan hanya pilihanraya. Demokrasi sebenar semesti mendukungi keluhuran undang-undang, keadilan capaian maklumat dan media serta menjalankan proses and sistem pilihanraya yang bebas, bersih dan adil.

Sesungguhnya demokrasi sebenar mengizinkan rakyat dan pengundi untuk menentukan kerajaan yang mereka mahu. Pilihanraya yang bebas, adil dan bersih menjamin kehendak rakyat tertunai. Andainya pilihanraya dipenuhi penipuan, kepincangan dan ketidakadilan, maka ia menjadikan hasrat rakyat untuk mengecapi demokrasi sebenar kecundang.

PAS Komited, Meskipun Pilihanraya Tempang dan Curang

PAS adalah parti Islam yang memperjuangkan dasar-dasar Islam serta nilai-nilai keadilan sejagat. PAS terus akan menyertai pilihanraya meskipun ia curang dan tempang, bagi memperjuangkan keadilan dan membentaras kezaliman dalam proses 'semak-imbang' yang dianjurkan oleh Allah SWT sebagaimana yang termaktub dalam ayat Surah Al-Baqarah: ayat 251.

"Kalaulah Allah tidak menolak dan mengimbangi kezaliman sesetengah manusia dengan golongan lain, maka rosak dan musnahlah seluruh muka bumi ini".

Sejak lebih 50 tahun, PAS telah membuktikan komitmen kami terhadap mempertahankan kedaulatan negara, kesejahteraan rakyat dan kesucian Islam, walaupun terpaksa menghadapi pelbagai cabaran getir, rintangan dan ujian bersaing di atas padang politik yang tidak sama-rata.

Negara Dalam Krisis

Menjelang pilihanraya ke-12 ini, negara terus dilingkungi krisis. Walaupun pemimpin Umno/BN bercakap tentang 'cemerlang, gemilang dan terbilang', Allah SWT sebaliknya menampelas omongan ini dengan mendedahkan pelbagai kebejatan dan kebobrokan pemerintahan ini. Pembangunan dan kemajuan yang dimegah-megahkan, tidak dikecapi rakyat, sebaliknya rakyat diancam kadar jenayah yang menakutkan dan kos saraan hidup yang membebankan.

(i) Rakyat Terhempit Barang Naik

Rakyat kini dibeban kenaikan kos saraan hidup dan dihempit dengan kenaikan harga barang yang menyusahkan. Sementara pembangunan dikatakan pesat dan kemajuan dan pertumbuhan rancak, rakyat menanggung kesangsaraan kenaikan kos hidup akibat subsidi petrol dan disel ditarik-balik. Inflasi terus melonjak kerana faktor bahan bakar petrol dan disel melibatkan pelbagai produk dan perkhidmatan. Yang mendapat kenaikan gaji tidak rasa menambah kerana dimakan inflasi, yang tidak bergaji lebih terbeban.

(ii) Rakyat diancam Bahaya-Bencana Jenayah

Rakyat dibala dengan bahaya-bencana jenayah khususnya ancaman terhadap golongan yang lemah seperti wanita dan kanak-kanak perempuan. Tidak ada yang berasa selamat dalam negara yang pihak keselamatannya kehilangan kepercayaan rakyat kerana rasuah dan diperkudakan pihak pemimpin politik tertinggi. Arwah adik Nurin dan kini adik Sharlinie adalah lambang 'mercu-tanda' kegagalan pemerintahan untuk menjamin keselamatan rakyat.

(iii) Rakyat Dalam Bahaya-Bencana Rasuah

Kekayaan negara musnah dan ketirisan berbilion ringgit terus berlaku akibat rasuah dan penyalahgunaan kuasa sekaligus mendedah rakyat kepada segala bala-bencana rasuah; Bangunan seperti Martrade lama terbengkalai, tak kurang yang bocor dan roboh. Kemalangan meragut nyawa di jalanraya dan lebuhraya yang tidak selamat dan menjadi lebih parah dengan pemandu hilang kelayakan yang masih memandu. Kebanjiran warga dan pekerja asing 'haram' menjadikan kebejatan sosial dan jenayah semakin parah. Kesemuanya adalah akibat rencam rasuah yang membarah. Hilang 'barakah' hidup sebaliknya mengundang pelbagai bala dan bencana Allah ke atas rakyat dan negara!

(iv) Rakyat Dibelenggu Ketakutan Dengan Akta-Akta Zalim

Rakyat dibelenggu dengan rasa takut untuk mendapatkan maklumat. Maklumat adalah penting bagi memahami urus-tadbir negara yang melibatkan kepentingan rakyat. Pelbagai undang-undang dan akta zalim seperti Akta Rahsia Rasmi (OSA) dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (PPA) mengekang pengetahuan rakyat. Media perdana pula menyogokkan maklumat yang hanya mewakili kepentingan pemerintah dan tidak ada ruang bagi memuatkan pandangan lain. Hak asasi rakyat tidak dibela dan kini semakin ditakutkan dengan pelbagai ugutan.

(v) Keselamatan Negara Turut Terancam

Juga turut terjejas adalah keselamatan negara seperti yang didedahkan oleh Laporan Ketua Audit Negara. Apabila helikopter Mi-171 gagal digunakan akibat tidak mematuhi piawaian, ia sekaligus menggagalkan pihak PDRM menjalankan tugas serta memerlukan peruntukan lain yang menelan RM272 juta lagi. Lebih mengaibkan ialah perolehan Kapal

Peronda Tentera Laut DiRaja yang sarat dengan pelbagai kepincangan dan pengurusan yang tempang sehingga menelan tambahan belanja sebanyak RM1.4 bilion.

Kini kerajaan Umno/BN ditanggapi umum sebagai hanya mementingkan kelompok dan tembolok sendiri seperti yang jelas didedahkan media perdana sendiri dalam pelbagai pendedahan rasuah dan penyalahgunaan kuasa yang mengaibkan. Janji dimungkiri sementara amanah diabaikan dan kebajikan rakyat terkorban.

Justeru itu, PAS menawarkan Manifesto yang mengangkat tema **”Negara Berkeadilan”** yang dibina di atas teras serta paksi **”Kerajaan Adil, Bersih dan Beramanah”**.

”Kerajaan Beramanah, Adil, Bersih, Berkeadilan”

Dengan ini PAS menyeru sokongan dan penggemblengan tenaga seluruh lapisan masyarakat; parti-parti politik, kakitangan kerajaan, badan-badan bukan-kerajaan (NGO), wanita, golongan pemuda serta seluruh lapisan rakyat, merentasi pelbagai anutan agama, bangsa dan budaya, yang turut berasa bertanggungjawab terhadap nasib mereka serta masa depan negara yang dicintai, supaya bersama membuat perubahan bagi:

- Membela kebajikan rakyat dan kepentingan negara melalui pengurusan ekonomi yang bijak dan pembangunan seimbang, mesra-manusia dan mesra-alam.
- Melindungi keselamatan seluruh lapisan rakyat khususnya kaum wanita dan kanak-kanak, dari ancaman jenayah.
- Memulihkan maruah dan integriti negara dengan membentaras rasuah dan penyalahgunaan kuasa.
- Mempertahankan keluhuran dan kedaulatan undang-undang dengan mengembalikan kewibawaan dan integriti institusi kehakiman.
- Mengembalikan amalan demokrasi tulen dan pilihanraya bebas, adil dan bersih.
- Menamatkan keangkuhan dan penguasaan kuasa mutlak Umno/BN di parlimen.

Kesemua matlamat ini akan hanya dapat kita capai dengan melakukan perubahan dan pilihan bijak dalam pilihanraya umum ke-12 ini. Marilah sama-sama kita memainkan peranan kita sebagai warga negara yang bertanggungjawab dan memastikan wujud unsur 'semak-imbang' yang berkesan dalam amalan demoikrasi di negara ini.

Anda Mampu Mengubahnya!

Teras Pertama

Menyedari segala kepincangan pemerintahan yang ada kini, khususnya amalan rasuah, kronisme dan penyalahgunaan kuasa yang menjejaskan integriti dan kewibawaan institusi-institusi penting dalam kerajaan, maka Manifesto ini menawarkan:

Kerajaan Beramanah, Adil dan Bersih:

- Menginstitusikan dan memperkasakan amalan 'Pemisahan Kuasa' Legislatif, Kehakiman dan Eksekutif, supaya amalan Demokrasi Berfungsi dan Berkesan serta tidak dicerobohi dan dipintas oleh pihak Eksekutif.
- Menegaskan penghayatan Islam sebagai Ad-Deen bagi ummat Islam di negara ini.
- Menjamin perlaksanaan peruntukan-peruntukan Islam sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.
- Menyegerakan kelulusan 'Rang Undang-Undang Hak Mendapatkan Maklumat' bagi memperkasa rakyat yang bermaklumat.
- Memperkukuh agensi-agensi 'Pemantau' (Watchdog) seperti Badan Pencegah Rasuah (BPR), Jabatan Audit Negara, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam), Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) dan lain-lain. dengan sumber dan mandat supaya tidak terbelenggu kepada mana-mana pihak dan terus bertanggungjawab kepada Parlimen.
- Melindungi kedudukan Pelapor atau "Whistleblowers" dengan jaminan kerahsian demi mempertahankan kepentingan negara dan kesejahteraan rakyat.
- Meminda dan/atau menghapuskan Akta-Akta Zalim yang menyekat Hak dan Kebebasan Rakyat seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Rahsia Rasmi (OSA), Akta Polis, Akta Percetakan dan Penerbitan (PPA), Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU). Menghapuskan Akujanji di kalangan kakitangan kerajaan.
- Menjamin sistem Pilihanraya yang Bebas, Adil dan Bersih dengan reformasi sistem dan proses Pilihanraya secara menyeluruh seperti yang dituntut oleh Gabungan Pilihanraya Bersih dan Adil (BERSIH).
- Meningkatkan amalan dan urus-tadbir kerajaan dengan berpandukan amalan terbaik (Best Practice) dalam jabatan-jabatan awam, agensi-agensi serta syarikat yang berkaitan kerajaan supaya menjauhi rasuah dan ketirisan dalam sistem penghantaran awam khususnya dalam pembekalan awam (public procurement)

projek mega-mewah melalui tender terbuka dengan penubuhan Badan Tender Bebas di bawah kuasa Parlimen.

- Memastikan masjid dimakmurkan oleh masyarakat tempatan dan tempat-tempat ibadat tidak boleh dimusnahkan tanpa perundingan dan kelulusan masyarakat setempat.
- Menubuhkan **Suruhanjaya Kehakiman** di bawah Parlimen yang bertanggungjawab melantik Hakim-Hakim berdasarkan merit dan integriti serta menambahbaik pengurusan bagi meningkatkan kewibawaan institusi Kehakiman dengan menguatkuasakan etika kehakiman yang terbaik..

Teras Kedua

Menginsafi kedudukan Malaysia sebagai negara yang kaya dengan hasil mahsul seperti minyak, kayu-kayan serta hasil galian, sementara sektor pembuatan dan perkhidmatan mampu diperkembangkan, negara kini kehilangan daya-saing bahkan semakin buruk dikacamata masyarakat bisnes antarabangsa. Ini mesti dibaikpulih segera dengan usaha membanteras segala kepincangan, rasuah dan kronisme yang telah menggagalkan pencapaian DEB dan matlamat dasar-dasar pembangunan yang lain. Maka Manifesto PAS ini menawarkan:

Pengurusan Berhemat (Pruden) Kekayaan Negara dengan polisi berikut:

- Meletakkan PETRONAS di bawah seliaan Parlimen (dan bukan lagi di bawah Perdana Menteri) seperti trend terkini dibeberapa buah negara atas perkiraan ketelusan dan pertanggungjawaban.
- Mempastikan harga petrol dan disel kekal 'menasabah' dengan pendekatan 'subsidi' bagi menangani 'inflasi' harga barang keperluan dan kos perkhidmatan.
- Menyusun kembali prioriti pembangunan supaya 'pertumbuhan' bukan sahaja akibat dari kegiatan pembinaan dan infrastruktur mega-mewah, tetapi mestilah menepati dan selaras dengan strategi dan prioriti pembangunan mapan sementara menjana pekerjaan dan mengawal inflasi.
- Menumpukan kekayaan hasil minyak akan diutamakan untuk pembangunan potensi insan serta penyelidikan dan pembangunan R&D termasuk sumber tenaga alternatif untuk menggantikan sumber petrol dan gas.
- Merapatkan jurang agihan kekayaan antara kaya-miskin dalam kaum dan antara kaum dengan menekankan aspek pendidikan dan peningkatan sumber pendapatan

bagi meningkatkan jumlah pendapatan dan keupayaan keluar dari garis kemiskinan serta meningkat mobiliti sosial mereka.

- Menekankan program pembasmian kemiskinan mengikut 'Keperluan' di kalangan golongan miskin dan berpendapatan rendah tanpa mengira ras atau kaum.
- Melebarkan golongan kelas menengah dalam semua kaum bagi memperkukuhkan ekonomi dengan meningkatkan kuasa membeli serta perbelanjaan (juga pelaburan) domestik dan kestabilan perimbangan antara kaum.

Teras Ketiga

Menyedari hakikat bahawa negara telah terjerumus dalam bahaya-bencana jenayah dengan pelbagai kejadian jenayah kekerasan seperti culik, bunuh, rogol, rompak dan menyamun secara bersenjata atau tanpa senjata, maka Manifesto PAS menawarkan:

Jaminan Keselamatan Nyawa, Kehormatan dan Harta Benda dengan Membentaras Jenayah dengan polisi dan komitmen berikut:

- Menubuhkan segera dan memperkasakan Suruhanjaya Bebas Salah-Laku Polis dan Komplain –IPCMC serta menolak Rang Undang-undang Suruhanjaya Aduan Khas (SCC) yang membelakangi 125 cadangan-cadangan Suruhanjaya di Raja Pembaikan Polis.
- Menjadikan PDRM sebuah Pasukan Keselamatan yang profesional, mesra-rakyat, bebas dari pengaruh pihak Eksekutif dan tekanan orang politik serta membantu pihak Kehakiman bagi melaksanakan penyiasatan dengan profesional dan berkesan sehingga mampu membentaras jenayah dan menjamin keselamatan rakyat.
- Mengangkat amalan Integriti dan Amalan Terbaik (Best Practise) dalam semua urusan-tadbir kementerian, agensi kerajaan khususnya pihak keselamatan seperti PDRM dengan memastikan, antara lainya, pengambilan pegawai dan promosi ke kedudukan yang tinggi mesti memiliki keupayaan dan integriti yang mantap.
- Memerangi amalan Rasuah, Kronisme dan penyalahgunaan kuasa dengan pendekatan secara Menyeluruh (integrated) dengan ajaran Agama, bimbingan Moral bagi menangani punca rasuah: kerakusan dan ketamakan yang digalakkan dengan urusan-tadbir yang pincang serta tidak telus. Pendekatan Undang-undang sebagai hukuman yang benar-benar menakutkan dan meninggalkan kesan 'gerun' atau 'deteren' serta takut kepada ancaman Allah dan hukuman pihak penguasa wajar diperkasakan.

Teras Keempat

Merakamkan pelbagai keceleruan di bidang pendidikan akibat mengalami polisi yang kerap berubah (flip-flop) serta pengangguran graduan yang tinggi dan kejatuhan taraf ranking universiti awam akibat tekanan politik dan campurtangan Eksekutif yang mengekang pertumbuhan institusi-institusi ini, maka Manifesto PAS menawarkan:

Pendidikan Menyeluruh Pemacu Perubahan yang antara lainya menekankan:

- Penegasan tonggak akhlak dan moral para pelajar sebagai teras pembinaan sahsiah pelajar.
- Melindungi ‘Pendemokrasian Pendidikan’ dengan kewujudan pilihan sekolah-sekolah termasuk pendidikan Islam (SAR), serta bahasa ibunda (Cina dan Tamil). Mengembalikan pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Ibunda masing-masing. Memberi sejumlah peruntukan kepada SAR dan sekolah swasta jenis Cina berdasarkan jumlah pelajar.
- Peluang kepada pelajar-pelajar dari sekolah agama rakyat untuk memasuki sekolah-sekolah berasrama penuh.
- Memberi peruntukan khas bagi PIBG kepada sekolah-sekolah luar bandar bagi membantu kegiatan meningkatkan pencapaian akademik.
- Memberikan autonomi kepada sekolah untuk mengawal dan mengurus disiplin para pelajar.
- Meningkatkan bantuan perbelanjaan per kapita mengikut penilaian Indeks Harga Pengguna (CPI) kepada sektor pendidikan termasuk kos-kos buku kerja.
- Menghapuskan semua yuran sampingan persekolahan seperti yuran PIBG dan kokurikulum.
- Penekanan kepada sistem pendidikan berteraskan ‘Berfikir’ – ‘thinking-based education’ dan bukan ‘berteras-peperiksaan’ (exam-based education).
- Memperkasakan pendemokrasian pendidikan dengan penetapan subjek ‘core’ atau ‘teras’ seperti sejarah, budaya, agama dan moral, bagi menjayakan misi perpaduan nasional melalui pendidikan.

- Menekankan tumpuan selain akademik bagi lepasan sekolah bagi meningkatkan aspek latihan berteraskan ketrampilan atau 'skilled-based apprenticeship' bagi melebarkan peluang pekerjaan dan guna tenaga secara penuh dan menyeluruh.

Memperkasakan IPT dan Memacu Penjelmaan Institusi Pendidikan Berprestasi Tinggi

Menjana iklim akademik di 'menara gading' bagi menghasilkan ciri-ciri graduan: 'berdaya saing dan berdikari-competitively enterprising', 'bermoral-bersahsiah mulia' - 'morally- spiritually vibrant' dan berintelekt tinggi-'intellectually superior'.

- Menghapus kira semua pinjaman tertunggak PTPTN
- Mengembalikan pendidikan tinggi (ijazah pertama) secara percuma.
- Mengembalikan semula pemberian biasiswa sebagaimana yang dijamin di bawah Perlembagaan Persekutuan berdasarkan kelayakan.
- Menambah tempat belajar di IPTA.
- Memansuhkan beberapa peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) yang mengongkang hak dan kebebasan mahasiswa dan tenaga akademik.
- Menjana Institusi Pendidikan Berprestasi Tinggi dengan penambahan peruntukan R&D yang setara dengan dunia maju (yakni 2-3% dari Belanjawan).

Teras Kelima

Memandangkan kos rawatan di hospital swasta mahupun awam terus meningkat dan keupayaan rakyat untuk menampung kos menjaga kesihatan ini semakin berkurang, maka Manifesto PAS ini menawarkan:

Jaminan Perkhidmatan Kesihatan Rakyat dengan polisi-polisi berikut:

- Mewujudkan Skim Pembiayaan Kesihatan Nasional (SPKN) setiap rakyat yang tidak mempunyai Skim Perlindungan Kesihatan daripada majikan masing-masing agar dapat menikmati perkhidmatan kesihatan yang berkualiti di semua hospital kerajaan atau pun swasta.
- Membatalkan Penswastaaan Perkhidmatan Kesihatan dan Hospital yang membebankan rakyat dan menguntungkan pihak swasta dan korporat tertentu yang punya kaitan dengan elit politik tertinggi.

- Penjagaan kesihatan percuma sepenuhnya untuk kanak-kanak dan ibu-ibu mengandung.

Teras Keenam

Memandangkan pembelaan rakyat semakin terabai sementara kos saraan hidup semakin meningkat, maka Manifesto PAS menawarkan:

Kebajikan Pekerja Sektor Awam dan Swasta dengan menekankan:

- Melaksanakan **Akta Gaji Minima** berdasarkan permuafakatan di antara majikan dan kesatuan sekerja, sesuai jenis pekerjaan dan dengan keperluan tuntutan kualiti hidup yang paling menasabah antara RM 700-1200.
- Menghapuskan sistem Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dan menggantikannya dengan suatu sistem baru yang dipersetujui bersama dengan Kesatuan Sekerja.
- Memastikan gaji permulaan (graduan dan juga bukan graduan) dipertingkatkan sesuai dengan tahap inflasi kini, serta menjalankan semakan dan pelarasan gaji dan saraan setiap lima (5) tahun. Pelarasan ini akan berdasarkan CPI (Indeks Harga Pengguna, IHP).
- Memastikan Elaun Kos Sara Hidup (COLA) akan dikaji setiap lima (5) tahun, juga berdasarkan CPI.
- Memastikan kakitangan kerajaan boleh mengikuti perkembangan politik termasuk menjadi ahli mana-mana parti politik pilihannya tanpa kongkongan selagi mana kualiti kerja tidak terjejas.
- Potongan cukai untuk individu adalah sebanyak RM12,000 setahun (sekarang RM8,000).

Teras Ketujuh

Memandangkan kos saraan hidup terus meningkat dan meletakkan rakyat termiskin semakin tertekan maka, Manifesto PAS ini menawarkan:

Pembelaan Kebajikan Menyeluruh Mesra-Rakyat dengan cara:

- Menghapuskan status 'leasehold' atau 'pegangan secara pajakan' ke atas tanah-tanah kediaman dengan mengubah statusnya kepada 'freehold' bagi memberikan pengiktirafan hak yang kekal dan boleh diwarisi.
- Menggabungkan satu peranan Pejabat Hasil Dalam Negeri (IRB) dengan aspek keperluan Pusat Kebajikan Masyarakat (PKM).
- PKM diperkasakan untuk membantu golongan yang miskin dengan lebih meluas dan berkesan bagi mengeluarkan mereka dari belenggu kemiskinan dengan program pengeupayaan dan mikro-kredit.
- Meneliti kembali pemberian Permit Impot (AP) bagi barangan makanan (foodstuffs) utama seperti gandum, gula dan beras supaya tidak berlaku Monopoli dan Pakatan (Cartels) yang mencekik pengguna.
- Menghapuskan tol dengan kerajaan membeli dan memilikki kembali lebuhraya-lebuhraya dari pemilik konsesi.

Teras Kelapan

Menyedari kepentingan pengupayaan wanita supaya bersama-sama kaum lelaki dalam pembinaan institusi keluarga mahupun pembangunan negara maka Manifesto ini memajukan:

Tawaran Istimewa Bagi Kaum Wanita, antara lainnya:

- Memperkenalkan cuti bersalin 90 hari dan cuti kebapaan 7 hari tanpa had bilangan anak.
- Elaun Khas buat ibu tunggal dan memperkenalkan Takaful Armalah.
- Menggalakkan majikan memperkenalkan konsep bekerja dari rumah untuk para wanita. Ini dapat dilaksanakan dengan memberikan pelepasan cukai kepada perbelanjaan syarikat untuk membeli peralatan pejabat dan komunikasi untuk membolehkan konsep ini dilaksanakan dalam syarikat mereka.
- Cuti ehsan 14 hari untuk yang mereka yang kematian pasangan.
- Untuk kesihatan dan kegiatan sukan, PAS akan mewujudkan Pusat Sukan dan Rekreasi Khusus untuk kaum wanita.

- Waktu kerja Anjal akan terus diperkasakan bagi memenafaat serta tidak mengorbankan kepentingan institusi keluarga.
- Mengenalakan undang-undang bagi mengelakkan wanita dieksploitasi untuk kepentingan komersial.

Teras Kesembilan

Meskipun telah dibentangkan pelbagai program pembangun wilayah dan koridor mutakhir ini, sektor pertanian masih merupakan impian yang terawang-awang yang belum berpijak di bumi nyata (terlalu diangkasakan).

Maka adalah menjadi komitmen PAS dalam hal memperjuangkan nasib petani dan nelayan di negara ini dengan Manifesto PAS menawarkan untuk:

Memajukan Industri Pertanian sekaligus Membela Kaum Petani dan Nelayan dengan polisi-polisi berikut:

- Mewujudkan dasar pertanian sebagai industri yang menjamin Dasar Makanan yang memelihara ‘Kemerdekaan dan Keselamatan Negara’ supaya tidak terdedah dan terjejas kepada manipulasi kuasa dunia dan ‘kartel’ atau pakatan konglomerat besar tempatan mahupun antarabangsa.
- Menolak sebarang bentuk Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang mengancam pelbagai industri khususnya pertanian dan pelbagai aspek urus-tadbir pemerintahan dalam negara.
- Pengurangan bahan makanan import untuk memberi insentif kepada petani tempatan untuk bersaing dengan lebih baik pada masa yang sama berusaha melipat gandakan pengeluaran untuk pasaran tempatan.
- Meningkatkan kualiti hidup nelayan pantai dengan menyediakan perumahan tersusun serta mewujudkan peluang-peluang baru pekerjaan di dalam kegiatan ekonomi berasaskan perikanan tajaan Kerajaan atau Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) agar setiap keluarga nelayan mempunyai pendapatan bulanan melebihi RM1200 sebulan.

- Penubuhan bank benih tanaman agar dapat melindungi para petani tradisional daripada dieksploitasi oleh syarikat besar yang kerap kali merampas hak mereka melalui permeteraian harta intelektual biji.
- Harga minima belian padi yang dinilai setiap tiga tahun sekali berpandukan Indeks Harga Pengguna (CPI).
- Mengawal harga input pertanian (benih, baja, racun, jentera pertanian) dengan memecahkan monopoli impot bagi bahan-bahan di atas.
- Menawarkan peluang menjadi peserta Felda bagi generasi kedua Felda dan mana-mana rakyat yang memerlukan ladang-ladang yang diusahakan oleh Felda Plantations atau dengan membuka tanah-tanah baru.
- Membenarkan peserta Felda untuk berdikari dalam pengurusan ladang milik mereka ke arah menjana pulangan pendapatan maksima kepada mereka.
- Mengembalikan hak peneroka untuk mendapatkan wang tanam semula dari Tabung Tanam Semula tanpa sebarang syarat.
- Menggunakan keuntungan Felda Holdings Bhd dengan mewujudkan program-program yang bersifat Cakna Rakyat Petani agar manfaatnya kembali kepada golongan peneroka dan keluarga mereka.

Teras Kesepuluh

Menyedari kedudukan amalan media yang masih jauh dari menghayati dasar penyiaran yang membela nilai-nilai kebenaran, beretika dan bertaraf dunia, maka wajar reformasi ke arah penambahbaikan dilakukan dengan segala komitmen dan tanggungjawab.

Selaras dengan itu Manifesto PAS mengajukan pilihan berikut kepada rakyat.

Dasar, Etika dan Amalan Media Massa Adil, Bersih dan Demokratik dengan memajukan polisi-polisi berikut:

- Menggubal dasar media massa negara yang lebih mendedahkan rakyat kepada maklumat yang seimbang.
- Menyediakan akses atau capaian kepada media setiap parti politik yang sah untuk menjelaskan komitmen dan manifesto mereka.

- Memastikan tiada penyalahgunaan media massa untuk manipulasi pemikiran rakyat oleh pihak penguasa dan lain-lain.
- Memperkasa pelaksanaan etika media massa di kalangan khalayak media, stake holders atau pemilik media dan rakyat.
- Mengarusperdanakan konsep ketelusan media amalan dan operasi media massa untuk meningkatkan pengetahuan serta kebijaksanaan rakyat bagi mengamalkan serta membudayakan politik-berteraskan-pengetahuan.

Teras Kesebelas

Menginsafi ancaman pemanasan global yang merubah sistem cuaca dan keseimbangan alam sekitar sekaligus menjadi ancaman nasional yang mengakibatkan berlakunya pelbagai bencana alam dan perubahan cuaca tak menentu seperti banjir, kemarau baik di kawasan bandar mahupun desa;

maka PAS mengambil inisiatif untuk melakukan persiapan dan bantuan dengan cara:

- Pembinaan sistem pengairan yang menjimatkan penggunaan air secara terkawal bagi mengurangkan kos pengeluaran pertanian disamping penjimatan air bagi menghadapi musim kemarau tak menentu..
- Memulihara kawasan tadahan hujan, hutan simpanan dan hutan perlindungan hidupan liar yang telah dirizabkan.
- Jalinan kerjasama bersama badan-badan yang relevan berkenaan pemanasan global dalam isu krisis makanan di peringkat antarabangsa dan nasional bagi memberi bantuan kepada para petani dan pengusaha makanan dalam menghadapi kesan pemanasan global.
- Menyediakan tabung kecemasan bencana kepada para pengusaha makanan dan petani untuk menampung kos kerugian akibat kesan bencana alam seperti banjir, kemarau dan serangan penyakit kepada tanaman.
- Pemansuhan penggunaan sebarang bahan kimia dalam pengeluaran produk makanan dengan pemberian subsidi melalui pembekalan baja organik untuk hasil yang lebih selamat untuk pengguna disamping melindungi kesuburan tanah dan sumber air daripada tercemar dengan bahan kimia.

Teras Keduabelas

Berlatarbelakangkan scenario politik dan hakikat perpaduan nasional yang kerap diancam dengan pelbagai ketegangan kaum akibat amalan politik perkauman dan manipulasi agama, maka Manifesto PAS mengemukakan serta menjanjikan kepada rakyat:

Dasar Perpaduan Nasional dengan polisi berikut:

- Merangka dasar perpaduan yang diperkukuhkan dengan sikap saling hormat-menghormati atas dasar saling mengetahui tuntutan agama terhadap penganut agama masing-masing.
- Menjamin penubuhan sebuah Majlis Perundingan penganut agama-agama (selain Islam) oleh Kerajaan bagi memastikan hak-hak setiap kelompok penganut agama untuk melaksanakan tuntutan upacara ibadat dan budaya masing-masing.
- Mencadangkan penubuhan satu Majlis Dialog ke arah memperkukuhkan permuafakatan dan perpaduan nasional merentasi semua kaum.

**Manifesto PRU ke-12
Parti Islam Se-Malaysia (PAS)
4 Muharram 1429H/13 Januari 2008.**